

TAKAU RIMBA
Banded Broadbill

FAMILI: Eurylaimidae
NAMA SAINTIFIK: *Eurylaimus javanicus*



CIRI-CIRI

Individu jantan dewasa bagi spesies ini mempunyai bahagian kepala dan bawah badan yang berwarna kemerahan serta bahagian atas badan yang gelap dan terdapat jalur-jalur yang berwarna kekuningan. Individu ini mempunyai bahagian paruh yang berwarna biru kehijauan. Bagi individu betina dewasa pula, jalur pada bahagian dada adalah kurang jelas. Individu juvenil bagi spesies ini mempunyai bahagian bawah badan yang pudar, berwarna kuning pucat kekuningan serta terdapat jalur-jalur gelap pada bahagian bawah rengkong, dada dan bahagian sisi dada manakala bahagian sisi dan atas kepala pula berwarna coklat. Individu ini mempunyai kening yang berwarna kuning manakala pada bahagian atas belakang badan terdapat bintik-bintik berwarna kuning pudar. Bahagian hujung sayap berwarna kuning manakala bahagian paruh pula berwarna coklat kehitaman.

SAIZ

Panjang keseluruhan individu dewasa adalah di antara 21.5-23.5 sm.

MAKANAN

Serangga kecil, larva dan siput.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap serta di kawasan yang lembap di dalam hutan campuran, pada ketinggian sehingga ke 1,100 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi siulan *wheoo* yang tinggi dan tajam. Spesies ini juga mengeluarkan bunyi *kyeeow* yang menurun, bunyi *keowrr* yang bergetar serta bunyi *keek-eeek-eeek*.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan ini adalah pada bulan Februari-Ogos. Sarang yang dibina menyerupai spesies Takau Rakit, *Cymbirhynchus macrorhynchos*, tetapi ianya dibina berjauhan dengan kawasan air, pada ketinggian sehingga ke 21 m dari aras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2-3 biji berwarna krim keputihan serta terdapat bintik-bintik berwarna ungu, coklat kemerahan serta merah pudar yang berukuran kira-kira 26.1-28x17.1-20 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.